

Dong Jiao Zong dakwa konsep sekarang memadai

BH 6 DEC 2000

KUALA LUMPUR, Selasa – Pertubuhan pendidikan Cina, Dong Jiao Zong, menolak konsep Sekolah Wawasan dengan alasan keadaan sedia ada sudah mencukupi bagi membuktikan perpaduan rakyat.

Penasihatnya, Datuk Sim Mou Yu juga menganggap pelaksanaan sekolah itu tidak perlu kerana semua pelajar Melayu, Cina atau India akan belajar dan membesar bersama ketika di sekolah menengah kebangsaan dan Institusi Pengajian Tinggi (IPT).

“Malah, sukatan pelajaran yang dibuat Kementerian Pendidikan untuk semua aliran sekolah termasuk Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Cina (SRJKC) adalah berlatar belakangkan Malaysia dan semua rakyat termasuk orang Cina, akan sentiasa setia dan taat kepada negara,” katanya ketika dihubungi di sini.

Sim turut menafikan bahawa pertubuhan itu puak ekstrimis yang menentang proses penyatuan rakyat.

Ini kerana, katanya, pihaknya akan memberi sokongan padu kepada kerajaan jika dasar dan program yang dilaksanakan adil kepada semua kaum.

Sebaliknya, katanya, jika kerajaan melaksanakan dasar yang berat sebelah, pihaknya akan cuba memberi cadangan dan alternatif kepada kerajaan untuk membetulkan keadaan dan menjadikan negara lebih maju, makmur dan harmoni.

“Jika kerajaan memberi layanan tidak adil dan melaksanakan dasar berat sebelah, maka rakyat berhak memberi cadangan dan alternatif untuk kebaikan bersama,” katanya.

Pada masa yang sama, beliau berkata, pertubuhan itu juga tidak mempercayai jaminan yang diberi kerajaan dalam mempertahankan bahasa dan pelajaran sekolah Cina.

Semalam Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menyifatkan pendidik ekstrimis Cina yang menolak konsep Sekolah Wawasan sebagai penentang proses menyatupadukan rakyat pelbagai kaum di negara ini.

Menurut Perdana Menteri, mereka bukan mempertahankan bahasa dan pelajaran sekolah Cina kerana kerajaan sudah memberi jaminan mengenai kedua-dua perkara itu.

Sim berkata, Dong Jiao Zong sentiasa membuka pintu untuk semua pihak termasuk Umno dan MCA mengadakan dialog berhubung isu pendidikan supaya dapat mengelak sebarang perselisihan.